



HARI Keluarga UMS-KAL di Labuan dimeriahkan dengan acara sukaneka kanak-kanak.

BH 24/05/2011

Hari keluarga UMS-KAL meriah

21

ABUAN: Hari Keluarga Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) Ke-8 di universiti itu berlangsung penuh meriah dengan dihadiri 500 pegawai dan kakitangan, baru-baru ini.

Mereka adalah pegawai, pensyarah, kakitangan sokongan dan ahli keluarga yang menyertai pelbagai acara bermula jam 8 pagi, termasuk senamrobik, sukaneka, sukan tradisional, karaoke dan sukan laut seperti jet ski dan kayak.

Kebanyakan hadirin tidak pulang dengan tangan kosong apabila memenangi hadiah cabutan bertuah hasil sumbangan pelbagai pihak, termasuk pembekal dan syarikat korporat yang menjalinkan hubungan dua hala dengan universiti.

Majlis perasmianya disempurna-

kan Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang.

Turut hadir, Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Awang Asri Ibrahim; Timbalan Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Dr Lim Kian Ping; Timbalan Pendaftar, Kamisah Husin; Pengurus Kelab Suri Rumah dan Anggota Wanita, Wan Azmona Wan Mohamed dan Pengurus Hari Keluarga, Baharin Entoh.

Dalam ucapannya, Dr Shariff menghargai sumbangan anggota keluarga pegawai dan kakitangan UMS-KAL kerana memahami tugas suami dan isteri, terutama bagi mereka yang sering bertugas di luar kawasan.

Katanya, dalam melakukan tugas

harian, kakitangan perlu menjaga hubungan dengan majikan, sesama kakitangan, pentadbir dan pensyarah kerana tanpa hubungan baik, amat sukar untuk menerapkan nilai murni dalam tugasannya seperti amanah, kerjasama dan saling hormat-menghormati.

Beliau meminta ketua jabatan supaya sentiasa mengambil berat kebijakan kakitangan supaya perancangan pembangunan jabatan tidak terjejas.

"Menjalinkan hubungan baik dan saling memahami adalah aspek penting dalam setiap perkhidmatan awam. Saya meminta anggota keluarga agar sentiasa memberi galakan dan dorongan kepada kakitangan supaya berusaha dengan gigih dan tekun," katanya.